Manual Pengguna Templat SoalanIPG Versi 3.1

Pemurnian oleh
IPGM
Harun Mohd Ramli
IPG Kampus Ipoh

ISI KANDUNGAN:

1. Pengenalan 3
2. Instalasi Templat 3
2.1. Menggunakan aplikasi Install yang dibekalkan 3
2.2. Menggunakan cara lain 4
3. Membina Soalan Berasaskan Templat SoalanIPG 4
3.1. Menggunakan Templat pada MSWord 97 dan MSWord 2003 4
3.2. Menggunakan Templat pada MS Word 2007..... 5
4. Menggunakan Fitur SoalanIPG 7
4.1. Menetapkan Jenis dan Kod Kertas Soalan 7
4.2. Membina Soalan Objektif 11
4.3. Membina Soalan Struktur..... 12
4.4. Membina Soalan Esei. 13
4.5. Membina Graf 14
4.6. Memasukkan Label 14
4.7. Mengubah suai Jadual Untuk Mengisi Markah. 14
4.8. Menyedia Kertas Saranan Jawapan Objektif 16
4.9. Menyedia Skema Pemarkahan (SP) 18
4.9.1. Pengenalan: 18
4.10. Menyedia Soalan Jawi dan Arab..... 20
5. Penutup 22
LAMPIRAN ..... i, ii, iii

1. Pengenalan

Templat SoalanIPG versi 3.1 merupakan templat MS Word yang digunakan untuk membina soalan dalam Bahasa Melayu, Inggeris, Cina, Tamil dan bahasa lain yang arah tulisan dari kiri ke kanan. Juga boleh digunakan untuk membina soalan dalam Bahasa Arab dan Jawi. Templat ini dibangunkan berasaskan Panduan Penggubalan Kertas Peperiksaan Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia berkuatkuasa Julai 2013.

Selain itu terdapat juga kemudahan membina kertas saranan jawapan objektif dan membina Skema Pemarkahan.

Keperluan: MS WORD 97, MS WORD 2003 atau MS WORD 2007.

Aplikasi ini juga memerlukan macro dinyalakan (‘*enable macro*’). Lihat lampiran untuk mengetahui cara untuk menyalakan macro ini.

2. Instalasi Templat

Dalam CD yang dibekalkan terdapat fail-fail seperti Rajah 1 di bawah.

Rajah 1

2.1 Menggunakan aplikasi Install yang dibekalkan.

a) Jika templat soalanIPG versi terdahulu telah ada dalam komputer anda, sila ***uninstall*** dengan cara dwiklik fail **uninstall**

b) Tutup semua aplikasi **kecuali** folder CD SoalanIPG. Jika anda menggunakan Word 2007 dan ke atas dwiklik fail **Install2007** untuk masukkan templat soalanIPG yang dibekalkan pada komputer anda. Sebaliknya jika anda menggunakan Word 2003 dan ke bawah lakukan proses serupa pada fail **Install2003**

c) Tetingkap instalasi selesai akan terbentuk seperti Rajah 2. Bererti templat tersebut boleh digunakan.



Rajah 2

2.2 Menggunakan cara lain.

a) Gunakan cara ini jika gagal menggunakan fail instalasi yang dibekalkan.

b) Tutup semua aplikasi **kecuali** folder CD SoalanIPG. Jika anda menggunakan Word 2007 dan ke atas dwiklik fail **setup2007** untuk masukkan templat soalanIPG yang dibekalkan pada komputer anda. Sebaliknya jika anda menggunakan Word 2003 dan ke bawah lakukan proses serupa pada fail **setup2003**

c) Fail-fail tersebut akan dimasukkan ke dalam folder C:\myTemplates di komputer anda.

3. Membina Soalan Berasaskan Templat SoalanIPG

3.1 Menggunakan Templat pada MSWord 97 dan MSWord 2003

a) Buka MSWord

b) Klik menu **File ---> New** seperti Rajah 3 di bawah.

Rajah 3

c) Tetingkap New Document kelihatan seperti rajah 4 di bawah.



Rajah 4

d) Klik General templates (Word XP) atau On my computer (Word 2003). Tetingkap Templates terbentuk seperti Rajah 5. Pilih SoalanIPG.

Rajah 5

e) Dokumen baru berasaskan templat SoalanIPG terbentuk. Terdapat 9 menu tambahan pada tool bar seperti Rajah 6 di bawah.

Rajah 6

f) Rujuk bahagian **4.1 Menetapkan Jenis dan Kod Kertas Soalan** untuk mula membina soalan.

3.2 Menggunakan Templat pada MS Word 2007

a) Buka MS Office word 2007

b) Klik Office Button



Rajah 7

c) Klik menu New seperti Rajah 7. Tetingkap **New Document** terbentuk seperti Rajah 8 di bawah.



Rajah 8

d) Klik menu **My templates**

e) Tetingkap **New Templates** seperti Rajah 9 terbentuk



Rajah 9

f) Pilih templat SoalanIPG seperti ditunjukkan dalam Rajah 9. Klik OK



Rajah 10

g) Dokumen baru dan mesej terbentuk seperti Rajah 10. Klik OK kemudian klik menu Add-Ins untuk mengeluarkan menu yang digunakan untuk membuat soalan seperti Rajah 11 di bawah.



Rajah 11

4. Menggunakan Fitur SoalanIPG

4.1 Menetapkan Jenis dan Kod Kertas Soalan

a) Klik menu **Peperiksaan**. Pilih menu **Bina Soalan ---> Jenis dan Kod Kertas** seperti Rajah 12



Rajah 12

b) Tetingkap **Jenis dan Kod Kertas** terbentuk seperti Rajah 13 di bawah



Rajah 13

c) Sila pilih Nama Program/Kursus, pilih Semester/Peringkat, pilih Bulan dan Tahun untuk Tarikh Peperiksaan, Masukkan No Kod Kertas, pilih bahasa pengantar digunakan, isikan Nama Kursus/Mata Pelajaran, pilih Jenis Soalan dan isikan markah setiap jenis soalan berkenaan. Bagi soalan respon terhad, struktur dan esei, masukkan markah, jumlah soalan dan pecahan soalan berkenaan. Klik OK.

d) Anda akan dapati bahawa terdapat 4 seksyen terbentuk. Seksyen 1 adalah muka depan soalan seperti Rajah 15, seksyen 2 untuk soalan jenis objektif seperti Rajah 16. Untuk seksyen ini header mengandungi kod kertas di sebelah kiri. Seksyen 3 untuk soalan jenis struktur yang mengandungi kod kertas di kiri header dan Angka Giliran di kanan header seperti Rajah 17. Seksyen 4 untuk soalan esei yang mempunyai header seperti seksyen 2.

e) Setiap seksyen masing-masingnya dilabelkan dengan Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C. Juga di masukkan nombor 1 seperti Rajah 15, 16 dan 17 di bawah.

f) Anda juga akan dapati bahagian pemarkahan muka hadapan telah pun diisi pecahan mengikut bilangan pecahan soalan seperti Rajah 14.

g) Ubah suai muka depan kertas soalan seperti Rajah 14 berdasarkan nama program, nama peperiksaan dan bilangan soalan bagi setiap bahagian soalan.

h) Untuk mengubah suai jadual mengisi markah untuk kegunaan peperiksa, ikut langkah dalam bahagian **4.7 Mengubah suai Jadual Untuk Mengisi Markah**.

SULIT

INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Peperiksaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan

PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN DENGAN KEPUJIAN
Semester 3

PENGURUSAN BILIK DARJAH DAN TINGKAH LAKU

NO. KOD : EDU3104 TARIKH: NOVEMBER 2013

ANGKA GILIRAN: MASA : 2 JAM 30 MINIT

IPG KAMPUS : _____

ARAHAN KEPADA CALON

1. Buku soalan ini mengandungi **tiga** bahagian:
   Bahagian A : **20** soalan objektif
   Bahagian B : **4** soalan struktur
   Bahagian C : **3** soalan esei
2. Jawab **semua** soalan dalam Bahagian A, Bahagian B dan **dua** soalan Bahagian C.
3. Jawab soalan:
   Bahagian A pada kertas saranan jawapan yang disedian.
   Bahagian B pada ruang yang disediakan dalam buku soalan.
   Bahagian C pada kertas jawapan yang disediakan.
4. Semua kertas jawapan hendaklah diikat bersama-sama buku soalan dan serahkan pada akhir peperiksaan.

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

BAHAGIAN	NO. SOALAN/ MARKAH							JUMLAH
A (20 markah)	1 - 20							
B (40 markah)	1a	1b	2a	2b	3a	3b	4	
C (40 markah)	1		2		3			
	JUMLAH KESELURUHAN							

BUKU SOALAN INI MENGANDUNGI 4 HALAMAN BERCETAK
DAN 1 HELAI KERTAS SARANAN JAWAPAN

Rajah 14

No. Kod : EDU3104

BAHAGIAN A
(20 markah)

Jawab **semua** soalan.

1.

Rajah 15

No. Kod : EDU3104 Angka Giliran :_____

BAHAGIAN B
(40 markah)

Jawab **semua** soalan.

1.

Rajah 16

No. Kod : EDU3104

BAHAGIAN C
(40 markah)

Jawab **dua** soalan sahaja.

1.

© Hak Cipta Kerajaan Malaysia 2013

Rajah 17

4.2 Membina Soalan Objektif

a) Klik muka surat 2 berlabel Bahagian A yang dikhaskan untuk memasukkan soalan objektif.

b) Klik sebelah kanan nombor soalan. Mulalah menaip pokok soalan. Setelah selesai tekan kekunci Enter.

c) Nombor soalan berubah menjadi 2. Jika anda inginkan respon I, II, III pilih menu **Objektif ----> Respon I, II, III** seperti Rajah 18. Mulalah menaip respon jawapan.

d) Tekan Enter setelah selesai.

e) Klik menu **Objektif ----> Respon A, B. C** untuk mendapatkan Respon jenis A, B, C. Setelah selesai, tekan Enter. label berubah menjadi B, C, D dan E

f) Klik menu **Objektif ---->Pokok Soalan**. Nombor berubah menjadi 2.

g) Ulang langkah-langkah di atas untuk soalan-soalan lain.



Rajah 18

Jika pokok soalan anda mengandungi rangsangan dan tugasan seperti Rajah 19 di bawah, klik Pokok soalan dan taipkan rangsangan. Tekan kekunci enter. Klik Menu **Biasa -----> Biasa2** dan taipkan tugasan. Menu **Biasa** seperti Rajah 20 digunakan untuk memilih jenis paragraf yang **tidak** mengandungi auto numbering.

1. Manusia memerlukan makanan untuk hidup (Rangsangan) style pokok soalan Manakah antara berikut.....(Tugasan) style Biasa 2

   A ..... -> Respon A, B, C style Respon A B C

   B .....

Rajah 19



Rajah 20

4.3 Membina Soalan Struktur.

a) Klik **muka** surat 3 berlabel Bahagian B yang dikhaskan untuk soalan struktur.

b) Klik sebelah kanan nombor soalan. Mulalah menaip soalan. Jika anda inginkan nombor soalan yang mempunyai pecahan **a**, klik menu **Struktur ----->1. a Soalan** seperti Rajah 21. dan masukkan soalan. Setelah selesai, tekan Enter.



Rajah 21

c) Klik menu **Garisan** seperti Rajah 22 dan pilih garisan yang sesuai. Tekan Enter.



Rajah 22

d) Klik menu **Label ----> [Markah]** seperti Rajah 23. Masukkan markah. Tekan kekunci ↓ untuk bergerak ke soalan berikutnya.



Rajah 23

e) Klik menu **Struktur-----> a Soalan.** Tekan kekunci ← '*delete*' a dan taip b kemudian tekan tab. Mulalah taip soalan. Tekan Enter. Ulang langkah 3 - 4 untuk memasukkan garisan dan markah.

f) Klik menu **Struktur----->1. Soalan** atau **Struktur----->1. a Soalan** untuk memulakan nombor soalan baru.

g) Menu **Label** seperti Rajah 23 juga boleh digunakan untuk melabel gambar rajah atau label lain

4.4 Membina Soalan Esei.

a) Klik muka surat 4 berlabel Bahagian C yang dikhaskan untuk memasukkan soalan esei.

b) Klik sebelah kanan nombor soalan. Mulalah menaip soalan. Jika anda inginkan nombor soalan yang mempunyai pecahan '**a**', klik menu **Esei ----->1. a Soalan** seperti Rajah 24. dan masukkan soalan. Setelah selesai, tekan Enter.



Rajah 24

c) Klik menu **Esei ----> a Soalan** . Tekan kekunci ← '*delete*' a dan taip b kemudian tekan Tab untuk memasukkan soalan bahagian b . Mulalah menaip soalan. Tekan Enter setelah selesai.

d) Untuk memasukkan markah, klik menu **Label ----[Markah].** Masukkan markah. Tekan kekunci ↓ untuk bergerak ke soalan berikut

e) Klik menu **Esei----->1. Soalan** atau **Esei----->1. a Soalan** untuk memulakan nombor soalan baru.

f) Ulang langkah 2 di atas untuk soalan-soalan berikutnya

PERHATIAN Guna menu **Struktur/Respon** untuk membina soalan struktur atau respon sahaja dan menu **Esei** untuk soalan esei. Jangan saling menukar menu kerana yang demikian menyebabkan nombor tidak mengikut tertib yang betul.

4.5 Membina Graf

a) Bersama-sama templat ini disediakan fail graf.jpg untuk anda membina graf. Salin fail tersebut dan letakkan ke dalam folder misalnya folder peperiksaan.

b) Klik menu **Insert ---> Picture ----> From file**. Pilih fail graf.jpg

c) Jika anda ingin kecilkan graf ini, anda boleh gunakan fitur crop picture.

4.6 Memasukkan Label

a) Klik menu **Label** atau **label jawi**. Pilih jenis label dikehendaki.

4.7 Mengubah suai Jadual Untuk Mengisi Markah.

a) Pilih baris yang hendak diubah suai. Sebagai contoh jika bahagian B mempunyai 7 bahagian 'highlight' baris ke 3 dan 4 seperti Rajah 25.

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

BAHAGIAN	NO. SOALAN/ MARKAH	JUMLAH
A (40 markah)	1 - 40	
B (30 markah)		
C (30 markah)		
	JUMLAH KESELURUHAN	

Rajah 25

b) Klik menu **Bina Soalan --->Bilangan Pecahan Soalan** seperti rajah 26.

Rajah 26

c) Tetingkap Bilangan Pecahan Soalan terbentuk seperti Rajah 27 di bawah.



Rajah 27

d) Pilih bilangan pecahan soalan. Misalnya 7. Klik OK

e) Sel yang terbentuk dibahagikan kepada 7 sel kecil seperti Rajah 28.

f) Masukkan pecahan nombor soalan seperti contoh dalan Rajah 28

g) Buat begitu juga untuk bahagian C seperti mana contoh Rajah 28.

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA								
BAHAGIAN	NO. SOALAN/ MARKAH							JUMLAH
A (20 markah)	1 - 20							
B (40 markah)	1a	1b	2a	2b	3a	3b	4	
C (40 markah)	1		2		3			
	JUMLAH KESELURUHAN							

Rajah 28

h) Jika anda menggubal soalan dalam Bahasa Arab atau Jawi pastikan anda memilih EN(English) pada Language Bar seperti Rajah 29 terlebih dahulu sebelum memasukkan pecahan nombor soalan dan memilih AR(Arabic) apabila hendak menaip soalan.



Rajah 29

4.8 Menyedia Kertas Saranan Jawapan Objektif

a) Buka MS Word. Klik menu File---> New.

b) Pilih Templat SoalanIPG .

c) Pilih menu **Peperiksaan --->Bina Saranan Jawapan** seperti Rajah 30.

Rajah 30

d) Tetingkap Kertas Saranan Jawapan Objektif terbentuk seperti Rajah 31 di bawah.

e) Masukkan maklumat berkaitan. Klik butang OK.



Rajah 31

f) Kertas saranan terbentuk seperti Rajah 32 di bawah.

INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Peperiksaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan

PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN DENGAN KEPUJIAN
Semester 3

PENGURUSAN BILIK DARJAH DAN TINGKAH LAKU

NO. KOD : **EDU3104** **TARIKH:** **NOVEMBER 2013**

A. GILIRAN: ☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐ **IPG KAMPUS:** _____

BAHAGIAN A
KERTAS SARANAN JAWAPAN

ARAHAN KEPADA CALON :

Hitamkan jawapan yang betul menggunakan pensel 2B.

1.	=A=	=B=	=C=	=D=	11.	=A=	=B=	=C=	=D=
2.	=A=	=B=	=C=	=D=	12.	=A=	=B=	=C=	=D=
3.	=A=	=B=	=C=	=D=	13.	=A=	=B=	=C=	=D=
4.	=A=	=B=	=C=	=D=	14.	=A=	=B=	=C=	=D=
5.	=A=	=B=	=C=	=D=	15.	=A=	=B=	=C=	=D=
6.	=A=	=B=	=C=	=D=	16.	=A=	=B=	=C=	=D=
7.	=A=	=B=	=C=	=D=	17.	=A=	=B=	=C=	=D=
8.	=A=	=B=	=C=	=D=	18.	=A=	=B=	=C=	=D=
9.	=A=	=B=	=C=	=D=	19.	=A=	=B=	=C=	=D=
10.	=A=	=B=	=C=	=D=	20.	=A=	=B=	=C=	=D=

©Hak Cipta Kerajaan Malaysia 2013

Rajah 32

PERHATIAN: Jangan bina saranan jawapan di atas fail soalan atau sebaliknya

4.9 Menyedia Skema Pemarkahan (SP)

4.9.1 Pengenalan:

Menu ini memberi peluang kepada anda untuk menhasilan bilangan jawapan soalan objektif yang seimbang. Misalnya jika bilangan soalan adalah 40 soalan maka 10 soalan akan mempunyai jawapan A, 10 soalan akan mempunyai jawapan B, 10 soalan akan mempunyai jawapan C dan 10 soalan akan mempunyai jawapan D. Disamping itu jawapan-jawapan ini akan dirawakkan. Oleh yang demikian adalah disyorkan sebelum membina soalan, anda menjanakan jawapan untuk soalan objektif, kemudian mebina soalan berdasarkan jawapan tersebut. Dengan demikian taburan jawapan A, B, C dan D adalah seimbang.

a) Klik menu **Peperiksaan ---> Bina Skema Pemarkahan** seperti Rajah 33.



Rajah 33

b) Tetingkap **Membina Skema Pemarkahan** terbentuk seperti Rajah 34 di bawah. Isi maklumat untuk skema pemarkahan. Pilih jenis soalan dan masukkan jumlah markah. Klik OK



Rajah 34

c) Muka surat pertama kelihatan seperti Rajah 35 di bawah.

INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Peperiksaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan

PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN DENGAN KEPUJIAN
Semester 3

PENGURUSAN BILIK DARJAH DAN TINGKAH LAKU

NO. KOD : EDU3104 TARIKH: NOVEMBER 2013

SKEMA PEMARKAHAN (SP)

Rajah 35

d) Muka surat 2 mengandungi jawapan soalan objektif yang dijana oleh komputer seperti Rajah 36. Jika anda tidak puas hati dengan taburan jawapan yang diberi, anda boleh betulkan mengikut jawapan sebenar soalan objektif anda.

No. Kod: EDU3104 SP

BAHAGIAN A
(20 markah)

1.	D	11.	D
2.	B	12.	B
3.	D	13.	A
4.	A	14.	C
5.	B	15.	A
6.	C	16.	C
7.	A	17.	C
8.	C	18.	D
9.	A	19.	B
10.	B	20.	D

1 x jawapan betul = 1 markah
20 x jawapan betul = 2 markah
Jumlah = 20 markah

Rajah 36

e) Muka surat 3 adalah skema pemarkahan Bahagian B dan muka surat 4 adalah skema pemarkahan Bahagian C. Guna menu seperti dalam pembinaan soalan untuk menaip skema pemarkahan.

f) Untuk melabelkan pecahan markah, klik menu **Label ---> 1 fakta/isi x 1 markah = 1 markah** seperti Rajah 37



Rajah 37

g) Label pecahan markah akan terbentuk seperti Rajah 28 di tempat *'cursor'* berada. Oleh itu pastikan *'cursor'* berada di bawah baris jawapan. Anda Cuma perlu betulkan jumlah markah tersebut.

1 fakta / isi x 1 markah =	**1 markah**
1 fakta + huraian x 2 =	**2 markah**
5 fakta + huraian x 2 =	**10 markah**
Jumlah =	**10 markah**

Rajah 38

4.10 Menyedia Soalan Jawi dan Arab

a) Untuk membina soalan jawi, anda perlu instal font 'Jawi Biasa' manakala soalan Arab anda perlu Instal font 'Traditional Arabic'

b) Ikut langkah dalam bahagian **4.1 Menetapkan Jenis dan Kod Kertas Soalan** dengan memilih bahasa pengantar Arab atau Jawi

c) Bahagian A, B, C terbentuk mengikut Arab atau Jawi dan arah tulisan adalah kanan ke kiri seperti dalam rajah 39, 40 dan 41

No. Kod : BA1234

القسم (ا)

(40 درجة)

أجب عن الأسئلة الآتية.

.1

Rajah 39

No. Kod : BA1234 Angka Giliran :_____

القسم (ب)

(30 درجة)

أجب عن الأسئلة الآتية.

.1

Rajah 40

No. Kod : BA1234

القسم (ج)

(30 درجة)

أجب عن الأسئلة الآتية.

.1

© Hak Cipta Kerajaan Malaysia 2011

Rajah 41

d) Cara memilih menu untuk membina soalan objektif, struktur, esei dan membina garisan adalah sama dengan bahasa lain. Cuma jika memerlukan label jawi atau arab anda perlu menggunakan menu **Label Jawi** seperti Rajah 42 di bawah.



Rajah 42

5. Penutup

Templat SoalanIPG bertapak di atas MSWord. Oleh itu jika anda dapat menguasai teknik dalam Word misalnya insert picture, crop, insert page dan teknik lain yang penting, maka mudahlah anda membina soalan menggunakan templat SoalanIPG. Adalah diharapkan templat yang saya sediakan dapat membantu anda menghasilkan soalan dengan lebih kemas dan berkualiti.

CARA MENYALAKAN MACRO SETTING/MACRO ENABLE

1. Pengguna MS Word 2007

a) Klik Menu --> klik Word Options seperti Rajah 43



Rajah 43

b) Tetingkap Word Options akan terpapar seperti Rajah 44. Klik Trust Center dan Trust Center Settings. Rajah 45 akan terpapar.



Rajah 44

c) Klik **Macro Settings** dan **Enable all macros...**. Klik OK seperti Rajah 45.



Rajah 45

2. Pengguna MS Word 2010

a) Klik **Menu File --> Option**

b) Ikut langkah seperti 1b dan 1c di atas.

3. Pengguna MS Word 2003

a) Klik Menu Tools --> Macro --> Security.... seperti Rajah 46



Rajah 46

b) Tetingkap Security akan dipaparkan. Klik **Low** .... dan klik OK seperti Rajah 47



Rajah 47